

2024
2026



PELAN ANTI-RASUAH *SATU*

SATU ANTI-CORRUPTION PLAN
(SACP) 1.0





PELAN ANTI-RASUAH *SATU* 2024-2026

SATU ANTI-CORRUPTION PLAN (SACP) 1.0



SINGKATAN

AKPK	: Arahan Kerja Proses Kerja
BAC	: Board Audit Committee
CeIO	: Certified Integrity Officer
HOD	: Head of Department
IAMS	: Integrated Asset Management System
KB	: Ketua Bahagian
KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
KMI	: Ketua Modal Insan
KPE	: Ketua Pegawai Eksekutif
NRW	: Non-Revenue Water
PAT	: Perancangan Aset & Teknologi
PO	: Purchase Order
SACP	: Satu Anti-Corruption Plan
SATU	: Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd
SOP	: Standard Operating Procedure
SPRM	: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
WORMS	: Work Order Request Management System

AMANAT PENGGERUSI *SATU*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.



Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya, maka telah terhasilnya Pelan-Antirasuah SATU (SACP) yang merupakan pelan yang penting dalam menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah dalam pengurusan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd (SATU).

Saya percaya, SACP ini dibangunkan dengan tujuan mendokong matlamat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang mengambil kira aspirasi rakyat Malaysia dalam usaha memerangi rasuah. SACP ini amat penting dalam memastikan pembudayaan nilai integriti dan profesionalisme di kalangan kakitangan SATU.

Ianya menggambarkan komitmen SATU dalam membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di kalangan kakitangan serta pihak bersekutu dengan SATU. SACP ini adalah dokumen rujukan bersama dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dirancang dalam tempoh yang ditetapkan bagi memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam usaha memastikan penyampaian perkhidmatan bekalan air yang terbaik kepada rakyat Terengganu.

Akhir kata, besar harapan saya agar SATU dapat memberikan sepenuh komitmen terhadap pelaksanaan SACP ini bagi mencapai objektif SACP ini dan sekaligus memastikan pentadbiran SATU yang bebas rasuah, berintegriti dan tadbir urus yang cekap.

Sekian, terima kasih.

YAB DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR

PERNYATAAN KOMITMEN KPE

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

SACP 2024-2026 adalah dokumen yang direalisasikan sebagai bukti kesungguhan SATU di dalam usaha memerangi gejala rasuah di dalam organisasi. Ia adalah satu pernyataan komitmen SATU untuk memartabatkan tadbir urus ke tahap yang disegani dan dipandang tinggi.

Rasuah merupakan satu gejala yang memberi ancaman kepada sesebuah organisasi. Bagi memastikan gejala ini dibanteras, komitmen yang tegas dan jelas perlu ditonjolkan bagi meraih kepercayaan semua pihak yang bekerjasama dengan SATU. Usaha untuk membasmi gejala rasuah ini sememangnya tidak mudah. Ianya memerlukan kerjasama dari semua pihak bagi melahirkan suasana kerja yang positif dan berintegriti untuk memastikan perkhidmatan bekalan air yang cekap dan berkualiti kepada seluruh rakyat Terengganu.



Pembangunan pelan ini mengandungi 33 inisiatif yang perlu dilaksanakan dengan sistematik bagi mencapai tempoh masa yang disasarkan. Pelan ini merangkumi semua aspek di dalam usaha memperkasakan usaha-usaha SATU bermula dengan mengenalpasti isu, risiko rasuah, penilaian risiko, langkah-langkah pencegahan, mekasmisma pelaksanaan, pemantauan dan penilaian di tiga (3) bahagian utama iaitu: **Operasi, Kewangan, Perancangan Aset & Teknologi (PAT).**

Semua kakitangan bertanggungjawab bagi memastikan objektif pelan ini dapat dicapai dan sentiasa berusaha memerangi sebarang unsur rasuah dan salah laku integriti. Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan SACP ini secara langsung atau tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

Ts. HAJI ABDUL KARIM BIN ENDUT

BICARA SEKRETARIAT SACP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.



Pada September 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan SACP yang pertama telah diadakan dengan melibatkan tiga (3) ketua bahagian utama. Bahagian Integriti & Governans (BIG) telah bertindak sebagai sekretariat SACP.

BIG dan 3 bahagian utama telah bekerjasama untuk menjayakan SACP ini menerusi beberapa mesyuarat dan perbincangan bagi mengenalpasti proses setiap bahagian dan lima (5) elemen yang berisiko kepada rasuah iaitu kuasa, kelulusan kewangan, pengurusan tunai, hubungan dengan pegawai awam dan pihak berkepentingan.

Hasil daripada perbincangan, BIG telah menganalisa, mengenalpasti dan membuat penilaian risiko berdasarkan 3 kategori iaitu; Rasuah, Integriti dan Governans (R.I.G). Seterusnya, BIG mencadangkan pelan tindakan dengan tempoh pelaksanaan kepada setiap bahagian yang terlibat melalui proses "challenge session" untuk persetujuan bersama.

Pelan tindakan yang strategik dan memberi impak yang besar dijadikan inisiatif untuk SACP 1.0 ini di mana sebanyak 33 inisiatif telah disenarai pendek. Inisiatif ini memfokuskan kepada pengurangan risiko R.I.G dalam aktiviti SATU.

BIG amat berbesar hati dapat menyiapkan SACP ini dalam tempoh hanya 3 bulan sahaja dengan kerjasama yang amat menggalakkan daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Bahagian, Ketua Seksyen dan Pengurus Daerah.

Harapan BIG agar semua warga SATU dapat memberi komitmen penuh terhadap pelaksanaan SACP ini. Warga SATU juga diharapkan dapat membudayakan integriti, tolak rasuah dan beretika sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

Azullaiha Binti Abdullah (CeLO)



ISI KANDUNGAN

SEKSYEN 1:

Pengenalan Satu

1.1	Latar Belakang Satu	1
1.2	Aktiviti Satu	2
1.3	Aktiviti Integriti	3
1.4	Keperluan Satu Menangani Rasuah	4
1.5	Aktiviti dan Bahagian Utama yang Terdedah kepada Rasuah, Masalah Pelanggaran Integriti & Governans	5

SEKSYEN 2:

Kerangka SACP

2.1	Visi, Misi, Matlamat SACP dan Strategi	8
-----	--	---

SEKSYEN 3:

Pelan Tindakan dan Inisiatif

3.1	Inisiatif yang Dikenalpasti	9
-----	-----------------------------	---

SEKSYEN 4:

Kaedah Pemantauan dan Penilaian

4.1	Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian	15
-----	---	----

SEKSYEN 5:

Penutup

5.1	Kesimpulan	16
5.2	Penghargaan	17
5.3	Jawatankuasa SACP	18
5.4	Gambar Gerak Kerja SACP dan Aktiviti BIG	19



SEKSYEN 1

PENGENALAN SATU

1.1 LATAR BELAKANG SATU

1.2 AKTIVITI SATU

1.3 AKTIVITI INTEGRITI

1.4 KEPERLUAN SATU MENANGANI RASUAH

**1.5 AKTIVITI DAN BAHAGIAN UTAMA YANG TERDEDAH KEPADA
RASUAH, MASALAH PELANGGARAN INTEGRITI & GOVERNANS**



1.1 LATAR BELAKANG SATU

Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd ialah syarikat operator air yang telah ditubuhkan pada 1999. Syarikat ini telah diambil alih oleh Terengganu Inc pada tahun 2007, sebagai salah satu anak syarikatnya. Bisnes utama SATU ialah dalam menyediakan perkhidmatan air tetapi tidak terhad kepada pengeluaran, agihan, kejuruteraan, teknologi dan perkhidmatan pelanggan. SATU juga berfungsi sebagai pembekal air tunggal di Terengganu dan merupakan syarikat yang mematuhi piawaian dan amalan *Environmental, Social, and Corporate Governance* (ESG).

Selaras dengan taglinenya 'Care for Life and Beyond', SATU terus berusaha untuk menambah dan mengembangkan aktivitinya, sambil terus memberikan pengalaman pelanggan kelas pertama kepada penggunaanya di Terengganu.



VISI

Ke Arah Sebuah Organisasi Bekalan Air Terulung Di Negara Ini.




MISI

Membekalkan Air Bersih Bermutu Tinggi dan mencukupi disamping terus meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memenuhi kepuasan pengguna.



1.2 AKTIVITI SATU

LOJI RAWATAN AIR



15 LOJI

di seluruh Terengganu

JUMLAH AKAUN



342,364

akaun aktif

TENAGA KERJA



566 ORANG

pekerja

JUMLAH PENGUNAAN AIR



174,012,036 m³

Penggunaan

MARGIN SIMPANAN AIR



23.69%

min SPAN > 15%

LITER PER KAPITA SEHARI (LCD)




241.24 LITER

seorang

*Data yang dipaparkan diambil dari Portal BIS SATU bagi tahun 2023

1.3 ATTIVITÀ INTEGRITÀ



1.4 KEPERLUAN SATU MENANGANI RASUAH



KENAPA SACP PERLU DIWUJUDKAN?

- SACP perlu diwujudkan sebagai salah satu keperluan untuk memenuhi Arahan YAB Perdana Menteri dan *National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023*.
- SACP bertujuan untuk memupuk kepentingan tadbir urus dan integriti dalam kalangan kakitangan, pihak berkepentingan dan Syarikat.



SYARIKAT

Memantapkan tadbir urus dan memperkukuhkan integriti dengan memastikan kakitangan mematuhi keperluan undang-undang yang berkaitan antirasuah dan jenayah korporat.



PIHAK BERKEPENTINGAN

Membudayakan integriti dan profesionalisme dalam kalangan pihak berkepentingan dengan mengelakkan unsur rasuah, salah guna kuasa dan konflik kepentingan.




EKONOMI

Mengawal dan mengoptimumkan perbelanjaan syarikat melalui tadbir urus yang baik dan mencegah pembaziran yang disebabkan oleh unsur rasuah.

1.5 AKTIVITI DAN BAHAGIAN UTAMA YANG TERDEDAH KEPADA RASUAH, MASALAH PELANGGARAN INTEGRITI & GOVERNANS

Kerangka SACP adalah berasaskan kepada tiga (3) bahagian utama SATU seperti berikut:

BAHAGIAN OPERASI



PENGELUARAN

Membuat pemantauan terhadap abstraksi dan kuantiti air mentah serta memastikan pengeluaran air terawat mematuhi piawaian KKM.

AGIHAN

Memastikan bekalan air terawat dibekalkan kepada pengguna berterusan tanpa ada gangguan.

NON-REVENUE WATER (NRW)

Memastikan pengurangan NRW SATU mengikut sasaran Syarikat dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang.


KUALITI AIR

Memantau serta memastikan kualiti air yang dibekalkan oleh SATU terjamin.

DAERAH

Menguruskan keseluruhan operasi dan bisnes di daerah.

BAHAGIAN KEWANGAN



BAYARAN

Membuat pelaburan, memproses bayaran kepada pembekal, penyediaan bajet, pengurusan aset SATU dan pengurusan Stor Pusat.

PEMBELIAN

Menguruskan proses permohonan, merekod invois bagi pembelian dan inden.

LEJAR AM

Menyediakan pelaporan kewangan, lejar AM dan pengurusan bajet.


HASIL

Menguruskan kewangan syarikat dan hasil SATU.

PENGEBILAN & PENGUATKUASAAN

Memantau prestasi hasil air, penguatkuasaan bagi pengeluaran notis, pemotongan disebabkan oleh tunggakan dan kesalahan di bawah Akta 655.

PERANCANGAN ASET DAN TEKNOLOGI (PAT)



PENGURUSAN PROJEK, ASET DAN PRODUK

Membuat penyediaan reka bentuk dan penyeliaan tapak bagi projek yang diluluskan. Menilai, merekod dan menjalankan laporan kondisi aset dari semasa ke semasa. Menilai dan mengesyorkan sebarang produk/teknologi yang akan digunapakai syarikat.

PEROLEHAN & PENTADBIRAN KONTRAK

Mengurus proses perolehan dan tatacara pentadbiran kontrak.

PERANCANGAN & PEMBANGUNAN

Sebagai *Certified Agency (CA)* untuk kelulusan plan pembangunan baru dan bertanggungjawab bagi unjuran bekalan dan permintaan air.

PERKHIDMATAN TEKNOLOGI

Eksplorasi teknologi baru bagi meningkatkan kecekapan operasi serta penyelenggaraan sistem instrumentasi dan telemetri sedia ada.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong





SATU CareLine
TAMBAH ARIAN PERUSAHA
1-300-882-111
8.00 pagi - 8.00 malam
(Ahad - Jumaat)

SEKSYEN 2

KERANGKA SACP

2.1 VISI, MISI, MATLAMAT SACP DAN STRATEGI



2.1 VISI, MISI, MATLAMAT SACP DAN STRATEGI

VISI

Menjadi peneraju perkhidmatan air terbaik di malaysia yang bebas rasuah

MISI

Menjalankan aktiviti perkhidmatan air dengan penuh berintegriti

OPERASI

KEWANGAN

PAT

MATLAMAT

Mempertingkatkan kecekapan, ketelusan & integriti dalam pengurusan operasi.

Mengukuhkan ketelusan dalam pembayaran & memperkemaskan pengurusan kewangan.

Merperkasakan tadbir urus kawalan PAT dan pengurusan vendor

BAHAGIAN KEUTAMAAN



OPERASI

KEWANGAN

PAT

STRATEGI



Memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik, beretika & berintegriti

Memastikan pematuhan tadbir urus kewangan

Memastikan ketelusan pengurusan asset, projek & vendor.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong






SEKSYEN 3

PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

3.1 INISIATIF YANG DIKENALPASTI



3.1 INISIATIF YANG DIKENALPASTI

Terdapat sebanyak 33 inisiatif yang telah dikenalpasti di dalam SACP SATU. Inisiatif ini telah difokuskan berdasarkan jangkaan impak yang besar ke arah kejayaan SACP dalam memantapkan integriti (I), governans (G) dan anti-rasuah (R) di SATU. Kesemua inisiatif ini perlu diberi penekanan untuk tindakan oleh setiap peneraju yang melibatkan tiga (3) bahagian utama SATU.

BAHAGIAN OPERASI

STRATEGI: Memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik, beretika & berintegriti

OBJEKTIF STRATEGIK 1: Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan profesionalisma kakitangan SATU di dalam urusan dengan pihak luar.

NO	INISIATIF	R/G/I	PELAKSANA	TARIKH PELAKSANAAN
1	Penambahbaikan pengurusan vendor.	G	Operasi	Sep 2025
2	Memperkasakan Bahagian Operasi dan daerah serta loji.	G	Operasi	Mac 2026

BAHAGIAN OPERASI

STRATEGI: Memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik, beretika & berintegriti

OBJEKTIF STRATEGIK 2: Memperkasakan perkhidmatan SATU.

NO	INISIATIF	R/G/I	PELAKSANA	TARIKH PELAKSANAAN
4	Pengauditan oleh setiap seksyen untuk pastikan ada <i>check & balance</i> .	R	Operasi	Mac 2024
5	Memperbaharui SOP Bahagian Operasi.	G	Operasi	Sep 2024
6	Pelaksanaan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP).	G	Operasi	Dis 2024
7	Pelaksanaan MS ISO IEC 17025 Pengurusan Kualiti Air.	G	Operasi	Mei 2024
8	Mewujudkan <i>Water Safety Plan</i> (WSP).	G	Operasi	Jun 2025
9	Pengurusan aset Seksyen Agihan melalui sistem IAMS.	G/I	Operasi	Nov 2025

BAHAGIAN KEWANGAN

STRATEGI: Memastikan pematuhan tadbir urus kewangan.

OBJEKTIF STRATEGIK 1: Memperkasakan penguatkuasaan di SATU.

NO	INISIATIF	R/G/I	PELAKSANA	TARIKH PELAKSANAAN
1	Merekodkan lebih barangan projek di dalam senarai aset.	I	Kewangan/ projek	Mac 2024
2	Membangunkan SOP penguatkuasaan kecurian air/sambungan haram.	G	Kewangan	Jun 2024
3	Merangka program pemantauan penguatkuasaan untuk semua daerah.	R	Kewangan	Dis 2024
4	Membuat pengstrukturkan semula unit pengebilan, hasil & penguatkuasaan di daerah.	R	Kewangan	Dis 2024
5	Mewujudkan rekod pergerakan barangan meter air.	R	Kewangan	Jun 2024

BAHAGIAN KEWANGAN

STRATEGI: Memastikan pematuhan tadbir urus kewangan.

OBJEKTIF STRATEGIK 2: Memantapkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan kewangan.

NO	INISIATIF	R/G/I	PELAKSANA	TARIKH PELAKSANAAN
6	Membuat semakan proses sedia ada terhadap indent dan pembelian RM 50,000 kebawah.	R	Kewangan	Mac 2024
7	Membuat analisa terhadap indent, harga & vendor.	R	Kewangan	Mac 2024
8	Memperbaharui SOP Bahagian Kewangan.	G	Kewangan	Mac 2024

BAHAGIAN PERANCANGAN ASET DAN TEKNOLOGI (PAT)

STRATEGI: Memastikan ketelusan pengurusan asset, projek & vendor.

OBJEKTIF STRATEGIK 1: Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan profesionalisma kakitangan SATU di dalam pengurusan vendor.

NO	INISIATIF	R/G/I	PELAKSANA	TARIKH PELAKSANAAN
1	Membangunkan sistem e-perolehan.	R	Perolehan & IT	Jul 2024
2	Mewujudkan sistem <i>Vendor Registration & Assessment</i> .	R	Perolehan & IT	Jul 2024

BAHAGIAN PERANCANGAN ASET DAN TEKNOLOGI (PAT)

STRATEGI: Memastikan ketelusan pengurusan asset, projek & vendor.

OBJEKTIF STRATEGIK 2: Meningkatkan akauntibiliti dan keupayaan SATU.

NO	INISIATIF	R/G/I	PELAKSANA	TARIKH PELAKSANAAN
3	Penubuhan jawatankuasa teknikal, perancangan & pembangunan, pengurusan projek, aset & produk.	R	Perancangan & Pembangunan Pengurusan Projek	Jan 2024
4	<i>Root cause analysis</i> bagi kerja-kerja breakdown yang berulang	G/I	Perkhidmatan Teknologi dan Kejuruteraan	Jun 2024
5	Memastikan Penggunaan IAMS secara menyeluruh.	G	Perkhidmatan Teknologi, Kejuruteraan & Operasi	Dis 2024
6	Aktiviti perolehan disatukan dan diurus oleh ibu pejabat.	G	Perolehan & Kewangan	Jun 2024
7	Membangunkan manual perolehan yang baru.	R	Perolehan	Jun 2024
8	Menyemak semula proses kerja sedia ada mengikut <i>best practice</i> .	G	Perolehan	Jul 2024
9	Menambahbaik Proses Jawatankuasa Sebutharga Perolehan.	R/G	Perolehan	Jun 2024

LAIN-LAIN BAHAGIAN

NO	INISIATIF	R/G/I	PELAKSANA	TARIKH PELAKSANAAN
1	Mewujudkan Aplikasi Temujanji dengan pihak luar.	G	IT	Dis 2024
2	Menambahbaik Program Integriti.	R/G	BIG	Feb 2024
3	Menambahbaik Polisi Pemberi Maklumat.	R	BIG	Dis 2024
4	Melaksanakan peringatan integriti setiap kali mesyuarat diadakan.	R	BIG	Mac 2024
5	Penyediaan bilik runding cara khas di ruang legar.	G	Pengurusan	Dis 2024
6	Menyediakan buku log pelawat.	G	Pentadbiran	Mac 2024
7	Melaksanakan <i>job rotation</i> dalaman.	G/R	Modal Insan	Jan 2024
8	Mewujudkan plan strategik kakitangan bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran kakitangan.	G	Modal Insan	Jan 2024




SEKSYEN 4

KAEDAH PEMANTAUAN DAN PENILAIAN


4.1 MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



4.1 MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



PEMANTAUAN DAN PENILAIAN





SEKSYEN 5

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

5.2 PENGHARGAAN

5.3 JAWATANKUASA SACP

5.4 GAMBAR GERAK KERJA SACP DAN AKTIVITI BIG



5.1 KESIMPULAN

Sebagai GLC, SATU tidak terkecuali daripada ancaman amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan melibatkan warga kerja dan pihak berkepentingan. Pembangunan SACP ini adalah salah satu usaha memerangi rasuah yang bertindak sebagai wawasan kerangka kerja untuk menjadikan SATU sebagai peneraju perkhidmatan air terbaik di Malaysia yang bebas rasuah yang bersandarkan kepada prinsip integriti dan tadbir urus yang cemerlang.

SACP ini telah menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk dilaksanakan. Berdasarkan kajian dan hasil penilaian risiko rasuah, sebanyak 33 inisiatif telah digariskan dan akan diberikan keutamaan agar kelemahan dalam aspek integriti, governans dan rasuah dapat ditangani dengan sistematik. SACP ini bertindak sebagai kawalan dalaman yang menggariskan pelaksanaan tindakan yang dirancang.

SACP 2024-2026 ini merupakan edisi pertama mengandungi langkah pertama SATU bagi mengenalpasti risiko rasuah di 3 bahagian utama. SACP ini akan diteruskan dengan melibatkan seluruh bahagian di masa hadapan bagi pengeluaran edisi seterusnya.

Bagi memastikan keberkesanan SACP ini, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau secara berterusan mengikut tempoh pelaksanaan dan penilaian setiap tahun akan dilaksanakan. Keberkesanan setiap inisiatif akan dinilai mengikut perkembangan semasa supaya ianya selari dan menepati hasrat yang diharapkan. Komitmen semua pihak adalah pemangkin utama kepada kejayaan pelaksanaan SACP ini dan secara langsung ianya dapat dijadikan panduan yang jelas berkaitan antirasuah kepada seluruh warga kerja. Pembangunan SACP 2024-2026 ini juga merupakan gambaran komitmen penuh syarikat bagi merealisasikan usaha Kerajaan untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

5.2 PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada:

YAB Dato' Seri Dr. Ahamad Samsuri Bin Mokhtar
Pengerusi SATU

Ts. Hji Abdul Karim Bin Endut
Ketua Pegawai Eksekutif SATU



Unit Integriti & Pengurusan Risiko
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



TERENGGANU INC

Group Risk, Compliance & Integrity, Terengganu Inc.



Unit Integriti, Ladang Rakyat Terengganu Sdn Bhd (LRTSB)

Bahagian Integriti & Governans SATU

Bahagian Komunikasi Korporat SATU

5.3 JAWATANKUASA SACP

Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada pihak-pihak berikut atas sumbangan input, kerjasama dan sokongan yang padu kepada sekretariat dalam menyiapkan SACP ini:



Pengerusi SACP:

Ts. Haji Abdul Karim Bin Endut
Ketua Pegawai Eksekutif

AJK SACP:

Encik Osman Bin Mohd
Pengurus Kanan Operasi



Encik Mohammad Noor Bin Mohd Jamil
Pengurus Kanan Perancangan, Aset & Teknologi

Cik Hajah Suzy Binti Mohamad Amin
Pengurus Kewangan & Akaun



Sekretariat SACP:

Puan Azullaiha Binti Abdullah (CeIO)
NurNajmina Binti Roslee
Mohd Naim Bin Rani
Muhamad Aqil Bin Mat Yusof

Dengan kerjasama oleh:

Bahagian Operasi

Ts. Mohd Khalid Bin Omar
Ts. Ir. Ahmad Muzaidi Bin Musannef
Ts. Fakrol Anua Bin Talib
Ts. Chm. Al Malek Fahd Bin Abdul Hamid
Chm. Zuhailie Binti Zakaria

Bahagian Perancangan, Aset & Teknologi

Ts. Ahmad Zaki Najmuddin Bin Mohd Aini
Mohd Badrulhisham Bin Sulaiman
Nazira Binti Md Nor
Che Wan Mohd Hafiz Bin Che Wan Khalid
Arif Bin Roslan

Bahagian Kewangan & Akaun

Nur Aini Binti Dzulkeflee
Ahmad Safuan Bin Mohd Johari George
Che Nur Hidayah Binti Che Mohd Zainun
Ts. Ahmad Faris Hafizuddin Bin Mohd Jidin

Pengurus Daerah SATU Setiu


Encik Khairil Azizi Bin Nodin

Serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses pembangunan SACP ini.

5.4 GAMBAR GERAK KERJA SACP DAN AKTIVITI BIG



SESI PERBINCANGAN SACP





H A R I I N T E G R I T I





MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH





TAKLIMAT INTEGRITI





MAJLIS PELANCARAN POLISI INTEGRITI





Bahagian Integriti & Governans

Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.



09-6214111



09-6201104



<https://www.satuwater.com.my/>



whistleblower@satuwater.com.my

"Care For Life And Beyond"